



Pelaksanaan 5G diteruskan tanpa dua MNO - Annuar

Ruwaida Md Zain - September 3, 2022 @ 3:09pm
bhnews@bh.com.my



Annuar berucap pada Majlis Pelancaran Jualan Murah Keluarga Malaysia@DE Dagang di Plaza Shah Alam hari ini. - Foto BERNAMA

SHAH ALAM: Pelaksanaan 5G di negara ini akan diteruskan mengikut perancangan walaupun dua pengendali rangkaian mudah alih (MNO) mengambil keputusan untuk tidak mengambil kepentingan dalam Digital Nasional Bhd (DNB).

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, berkata pihaknya akan meneruskan rundingan dengan empat lagi MNO dan dijangka selesai dalam tempoh dua minggu lagi.

Beliau berkata, rundingan itu akan membabitkan pengubahsuaian dalam dokumen perjanjian yang akan ditandatangani.

"Dua MNO buat keputusan untuk tidak menyertai (DNB), maka kita tidak memaksa (mereka) dan kita akan teruskan dengan yang bersetuju membabitkan empat syarikat telco.

"Cuma ia sedikit menjelaskan proses menandatangani kerana dalam dokumen kerajaan dan Kabinet memutuskan majoriti adalah pihak swasta sedangkan empat syarikat berkenaan tidak cukup 50 peratus (pegangan).

"Setiap syarikat juga perlu kembali kepada Lembaga Pengarah kerana mereka bagi kelulusan berdasarkan lebih 11 peratus langganan, jadi kalau kita tawarkan lebih 15 hingga 16 peratus mereka perlu balik semua kepada Lembaga Pengarah, tak boleh jawab ya terus. Jadi kita terpaksa beri masa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan majlis pelancaran Jualan Murah Keluarga **Malaysia@DE** Dagang di Plaza Shah Alam, di sini hari ini.

Difahamkan, Maxis Bhd dan U Mobile Sdn Bhd tidak bercadang untuk mengambil kepentingan dalam DNB.

Empat MNO iaitu Celcom Axiata Bhd, Digi.com Bhd, YTL Communications Sdn Bhd (YES) dan Telekom Malaysia Bhd (TM) masih tetap dengan keputusan masing-masing untuk melanggan saham DNB.

Annuar berkata, tawaran itu turut terbuka kepada pemain industri lain yang berminat memperoleh kepentingan di DNB seperti masyarakat Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

"Apa yang penting 'roll-out' 5G perlu kekal 'on-track' bagi memenuhi keutamaan untuk mencapai 80 peratus liputan (5G) di kawasan berpenduduk menjelang 2024.

"Jika perkara itu dapat diselesaikan dalam tempoh dua minggu ini, syarikat itu boleh menawarkan perkhidmatan 5G bagi kawasan yang siap prasarananya tanpa perlu bertangguh," katanya.

Mengenai isu kerugian yang direkodkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebanyak RM700,000 berikutan pokok hiasan yang rosak pada sambutan Hari Kebangsaan 2022 pada Rabu lalu, Annuar berkata, perkara itu terjadi berikutan bilangan pengunjung luar biasa membanjiri Dataran Merdeka dan Jalan Raja Laut bagi menyaksikan perarakan berkenaan.

"Cuma untuk panduan masa akan datang, bila ada program beramai-ramai, kita semua ambil tanggungjawab, kita jaga. Harta kerajaan itu harta kita lahir," katanya," katanya.